

07 AUG 1996

AHLI-AHLI PERNIAGAAN SINGAPURA NAK MELAWAT MALAYSIA

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 7 Ogos (Bernama) -- Satu rombongan pelaburan dan perdagangan terdiri daripada 70 orang ahli perniagaan Singapura akan melawat Malaysia selama tiga hari mulai 13 Ogos.

Rombongan yang akan diketuai oleh presiden Persekutuan Industri-industri Singapura (SCI) Datuk Robert Chua itu ke sini atas undangan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia.

Pengarah kanan SCI, Emmeline Lam hari ini berkata program rombongan itu di Malaysia termasuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta berdialog dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Rombongan Singapura itu juga akan menghadiri pembukaan rasmi pejabat Lembaga Pembangunan Dagangan Singapura (STDB) di Kuala Lumpur oleh ketua pegawai eksekutifnya, Barry Desker.

Rombongan ke Malaysia itu dianjurkan secara bersama oleh SCI, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan STDB.

Anta tokoh perniagaan yang akan menyertai rombongan itu ialah ketua pegawai eksekutif (KPE) Intraco Ltd Bernard Chen, pengerusi dan KPE Informatics Holdings Ltd Dr Wong Tai, pengerusi eksekutif Singapore Technologies Shipbuilding & Engineering Ltd James Leo, pengarah urusan Changi International Airport Services Suen Tian Hing, pengarah urusan kumpulan Emporium Holdings Tan Ban Lian dan pengarah urusan kumpulan Jack Chia MPH Ltd John Lim. -- BERNAMA

THG SIA